



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

4 APRIL 2021 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

4 APRIL 2021 (AHAD)



Rosol menandatangani pembukaan cawangan OPPA MART sempena Kempen Beli Barangan Malaysia peringkat negeri Melaka di Ayer Keroh, semalam. (Foto Syafeeq Ahmad/BH)

Usahawan salah guna istilah francais

Pelaku ambil jalan mudah kembangkan perniagaan kena tindakan

Melaka: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendedahkan kegiatan sesetengah usahawan menyalahgunakan istilah francais dan jualan langsung sebagai jalan mudah mengembangkan perniagaan mereka.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata walaupun aduan diterima tidak banyak, KPDNHEP memandang serius masalah itu dengan sebahagian pelaku sudah dikenakan tindakan mengikut Akta Francais 1998

serta Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

"Selain itu, francaisor yang menekan francais mereka juga dikenakan tindakan. Jadi, jika ada masalah yang timbul termasuk perjanjian yang tidak ditunaikan, kita minta ia segera dilaporkan," katanya selepas merasmikan program Industri Francais dan Jualan Langsung, Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) 2021 peringkat negeri Melaka, di sini, semalam.

Berhubung kebimbangan usahawan menceburi bidang francais disebabkan kos tinggi, beliau berkata, pelaksanaan program Pembangunan Francais Makro dilihat boleh mengatasi isu itu, khususnya bagi golongan B40 dan M40 yang berhasrat menceburi sektor berkenaan.

"Kita mengadakan perbincangan bersama pemain industri yang berpotensi menawarkan pakej francais mampu milik yang

relevan bernilai RM100,000 ke bawah dan francais mikro bernilai RM50,000 ke bawah.

"Inisiatif ini akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan B40 dan M40, selain menjana pulangan keuntungan kepada francaisor," katanya.

Rosol berkata, mereka yang berminat merebut peluang berkenaan perlu berbuat demikian memandangkan setakat ini terdapat 11 jenama francais menawarkan pakej mikro dan mampu milik, seperti Arjuna Village, Ani Sup Utara, Taska Bonda Mama, KopieSatu, MD Putu Bambu World dan Ayam D' Penyet.

Mengenai program jelajah francais berskala kecil Franchise Bay, beliau berkata, program bertujuan memberi pendedahan sistem perniagaan francais yang wujud di negara ini.

"Setakat ini 1,091 jenama francais berdaftar dengan 700 daripadanya adalah jenama tempatan," katanya. **BERNAMA**

KPDNHEP dedah kegiatan usahawan salah guna istilah francais

Melaka: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam mendedahkan kegiatan sesetengah usahawan yang menyalahgunakan istilah francais dan jualan langsung sebagai jalan mudah untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Datuk Rosol Wahid berkata walaupun aduan yang diterima tidak banyak, KPDNHEP memandang serius masalah tersebut dengan sebahagian pelaku sudah dikenakan tindakan menurut Akta Francais 1988 serta Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

"Begitu juga dengan francaisor yang menekan francais mereka. Jadi, jika ada



ROSOL

masalah yang timbul termasuk perjanjian yang tidak ditunaikan, segera laporkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Industri Francais dan Jualan Langsung, Kem-

pen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) 2021 peringkat negeri Melaka di sini.

Berhubung kebimbangan usahawan untuk menceburi bidang francais disebabkan kos yang tinggi, beliau berkata pelaksanaan program Pembangunan Francais Makro dilihat boleh mengatasi isu itu, khususnya bagi golongan B40 dan M40 yang berhasrat menceburi sektor berkenaan.

"Kita sudah mengadakan perbincangan bersama pemain industri yang berpotensi untuk menawarkan pakej francais mampu milik yang relevan bernilai RM100,000 ke bawah dan francais mikro bernilai RM50,000 ke bawah.

"Inisiatif ini akan mewu-

judkan peluang pekerjaan kepada golongan B40 dan M40 di samping menjana pulangan keuntungan kepada francaisor," katanya.

Rosol seterusnya menggesa mereka yang berminat merebut peluang berkenaan memandangkan setakat ini terdapat 11 jenama francais yang menawarkan pakej mikro dan mampu milik, seperti Arjuna Village, Ani Sup Utara, Taska Bonda Mama, KopieSatu, MD Putu Bambu World dan Ayam D'Penyet.

Mengenai program jelajah francais berskala kecil Franchise Bay yang dilancarkan semalam, beliau berkata program bertujuan memberi pendedahan tentang sistem perniagaan francais yang wujud di negara ini.

Usahawan salah guna istilah francais, jualan langsung

KPDNHEP dedah terdapat usahawan guna jalan mudah untuk kembang perniagaan

MELAKA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Sabtu mendedahkan kegiatan sesetengah usahawan yang menyalahgunakan istilah francais dan jualan langsung sebagai jalan mudah untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Timbalan Menteri Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, walaupun aduan yang diterima tidak banyak, pihaknya memandang serius masalah itu dengan sebahagian pelaku sudah dikenakan tindakan menurut Akta Francais 1988 serta Akta Jualan Langsung dan Skim

Anti-Piramid 1993.

“Begitu juga dengan francaisor yang menekan francaisi mereka. Jadi, jika ada masalah yang timbul termasuk perjanjian yang tidak ditunaikan, segera laporkan,” katanya selepas merasmikan program Industri Francais dan Jualan Langsung, Kempen Beli Barangan Malaysia KB-BM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) 2021 peringkat negeri Melaka di sini.

Berhubung kebimbangan usahawan untuk menceburi bidang francais disebabkan kos yang tinggi, beliau berkata, pelaksanaan program Pembangunan Francais Makro dilihat boleh mengatasi isu itu khususnya bagi golongan B40 dan M40 yang berhasrat menceburi sektor berkenaan.

“Kita telah mengadakan perbincangan bersama pemain industri yang berpotensi untuk menawarkan



ROSOL

pakej francais mampu milik yang relevan bernilai RM100,000 ke bawah dan francais mikro bernilai RM50,000 ke bawah.

“Inisiatif ini akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada B40 dan M40 di samping menjana pulangan keuntungan kepada francaisor,” katanya.

Rosol seterusnya menggesa mereka yang berminat merebut peluang berkenaan memandangkan setakat ini terdapat 11 jenama francais yang menawarkan pakej mikro dan mampu milik, seperti Arjuna Village, Ani Sup Utara, Taska Bonda Mama, KopieSatu, MD Putu Bambu World dan Ayam D' Penyet.

Mengenai program jelajah francais berskala kecil Franchise Bay yang dilancarkan pada Sabtu, beliau berkata, program bertujuan memberi pendedahan tentang sistem perniagaan francais yang wujud di negara ini. - Bernama

Ada usahawan salah guna istilah francais

MELAKA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang menyiasat aduan berhubung tindakan tidak bertanggungjawab usahawan menyalahgunakan istilah francais dan jualan langsung.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, setakat ini sebahagian aduan yang diterima telah pun dibawa ke peringkat tindakan mengikut Akta Francais 1988 serta Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

"Walaupun jumlah aduan diterima tidak banyak, namun KPDNHEP tidak akan memandang ringan isu tersebut.

"Penguatkuasaan ini turut terpakai kepada franchisor yang menekan franchaisi mereka. Jadi jika ada masalah yang timbul termasuk perjanjian yang tidak ditunaikan segera laporkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Industri Francais dan Jualan Langsung, Kempen Beli Barangan Malaysia KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) 2021 peringkat negeri Melaka di sini semalam.

Dalam pada itu, mengulas lanjut mengenai tanggapan segelintir usahawan mendakwa penglibatan dalam francais memerlukan kos pelaburan tinggi, beliau mencadangkan agar para peniaga yang berminat menyertai Pembangunan Francais Makro.

"Program Pembangunan Francais Makro ini dilihat platform terbaik buat golongan B40 dan M40 menceburinya.



ROSOL

ROSOL WAHID, MENTERI PERDAGANGAN

"Kita telah mengadakan perbincangan bersama pemain industri yang berpotensi untuk menawarkan pakej francais mampu milik yang relevan bernilai RM100,000 ke bawah dan francais mikro bernilai RM50,000 ke bawah," katanya.

Tambahnya, program itu merupakan inisiatif untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan B40 dan M40 di samping menjana pulangan keuntungan kepada franchisor.

Rosol berkata, setakat ini terdapat 11 jenama yang telah menawarkan pakej mikro dan mampu milik antaranya adalah Arjuna Village, Ani Sup Utara, Taska Bonda Mama, KopieSatu, MD Putu Bambu World dan Ayam D' Penyet.



Pegawai KPDNHEP Rompin memeriksa komputer alat penimbang kenderaan di sebuah premis, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Tiga pusat kumpul sawit tipu pekebun

Rompin: Cubaan tiga pusat pengumpulan sawit mengaut keuntungan secara salah terbongkar apabila dikesan mengubah suai alat penimbang kenderaan.

Ia terbongkar selepas Operasi Bersepadu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Rompin dan Kuantan bersama penguat kuasa Lembaga Minyak Sawit Malaysia Wilayah Timur (MPOB) dan Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCM) serta Cyber Security, semalam.

Ketua Cawangan KPDNHEP Rompin, Raja Azwan Shah Raja Ahmad, berkata operasi bersepadu selama dua hari itu memeriksa 10 premis menggunakan alat timbang kenderaan di pusat pengumpulan sawit di daerah ini.

Beliau berkata, pihaknya mengadakan operasi selepas mendapat aduan awam yang mengesyaki terdapat beberapa premis pengumpulan sawit menggunakan alat timbang kenderaan secara salah dengan memanipulasi sistem timbangan bagi mengurangkan berat.

Katanya, dua kesalahan disia-


sat mengikut Seksyen 17 Akta Timbang dan Sukat 1972 dan sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara tidak lebih empat tahun.

"Satu kes disiasat mengikut Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Timbang Dan Sukat 1981, pembaik tidak mengeluarkan suatu perakuan pembaikan, iaitu Borang E dan kesalahan boleh dikompaun sehingga RM12,500 bagi perseorangan dan sehingga RM25,000 bagi syarikat.

"Kita memandang serius perbuatan tidak bertanggungjawab premis yang bertindak mengubah suai alat timbang kenderaan di pusat pengumpulan sawit semata-mata inginkan keuntungan secara salah," katanya, di sini kelmarin.

Raja Azwan Shah berkata, dalam operasi itu MPOB turut mengenakan dua kompaun mengikut Peraturan 21(2) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 kerana membeli atau menerima sawit muda.

Beliau berkata, dalam operasi berkenaan pihaknya turut menyita pelbagai peralatan seperti komputer dan mesin cetak bernilai lebih RM5,500.



 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM5.99	• Telur Gred A RM8.90	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM5.90
	• Daging Lembu Tempatan RM34	• Ikan Kembung RM10.90	• Bawang Besar Holland RM2.89	• Kubis Bulat Tempatan RM2.50
	• Daging Lembu Import RM18.90	• Minyak Masak RM5.30	• Bawang Putih RM4.99	• Tepung Gandum RM2.19
*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP				